

# ASEM4 berjaya capai persetujuan

20 SEP 2002

COPENHAGEN 24 Sept. — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir menyifatkan Sidang Kemuncak Asia-Eropah Keempat (ASEM4) yang berakhir di sini hari ini sebagai berjaya kerana para pemimpin telah mencapai persetujuan dalam pelbagai isu daripada sekadar membincangkannya.

Beliau yang gembira dengan hasil sidang tersebut berkata, peranan ASEM sebagai sebuah forum ternyata berkesan kerana terdapat pelbagai bidang yang boleh dilaksanakan secara bersama.

Bercakap pada sidang media kepada wartawan Malaysia dan wartawan asing selepas Majlis Penutup ASEM4 di sini hari ini beliau memberitahu, antara bidang tersebut ialah pertukaran pelajar serta kerjasama dalam pembangunan manusia di kalangan negara-negara anggota.

Bagaimanapun menurutnya, beberapa langkah susulan perlu dibuat bagi memastikan persetujuan yang telah dicapai dapat dilaksanakan dengan berjaya.

Antara persetujuan yang dicapai dalam sidang kali ini ialah deklarasi mengenai kerjasama menangani keganasan dengan mengenal pasti punca keganasan tersebut, meningkatkan kerjasama dalam bidang ekonomi dan perdagangan serta kebudayaan sosial dan pendidikan.

Menurut Dr. Mahathir, sekalipun pada peringkat awalnya beliau menyatakan tidak mengharapkan banyak hasil daripada ASEM4, selepas perbincangan yang positif beliau merasakan ASEM boleh melakukan sesuatu.

## Pelbagai hala

Ditanya mengenai isu Iraq, beliau berkata, ASEM tidak dapat banyak bertindak kecuali berpendirian bahawa sebarang tindakan ke atas negara itu mestilah berdasarkan tindakan pelbagai hala, bukan sahaja.

Mengenai pendirian Amerika Syarikat dan Britain yang dikatakan sudah menatapkan fikiran untuk menyerang Iraq,

beliau berkata, Amerika dan Britain mesti mendengar pandangan dunia berhubung isu Iraq dan tidak mengambil tindakan sehalu.

Kata Perdana Menteri, jika ada negara menentang sebarang tindakan terhadap Iraq mereka tentu mempunyai sebab tersendiri, bukan kerana mereka mahu menjadi susah.

Beliau sekali lagi menegaskan Malaysia menentang sekatan yang dikenakan terhadap Iraq kerana ia tidak memberi kesan kepada pemimpin tetapi hanya mendatangkan kesengsaraan kepada rakyat.

Menurutnya, rakyat tidak harus dihukum terhadap kerajaan yang mereka tidak bertanggungjawab membentuknya dan kerana itu sebarang tindakan mestilah ke atas kerajaan negara itu yang didakwa sebagai buruk.

Mengenai kononnya Iraq membangunkan senjata pemusnah, Dr. Mahathir berkata dakwaan itu perlu dibuktikan dan biarkan tugas itu dilaksanakan oleh peme-

## pelbagai isu — PM

riksa senjata Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Katanya, Malaysia akan menyokong serangan tentera jika dakwaan ini dapat dibuktikan tanpa sebarang keraguan.

Mengenai Palestin beliau berkata, dalam pertemuan dua hala dengan Presiden Jacques Chirac, pemimpin Perancis itu memberitahu agak sukar untuk mempengaruhi Amerika supaya mempengaruhi Sharon menghentikan tindakan keganasan terhadap Palestin, termasuk mengepung Presiden Yasser Arafat.

## Keganasan

Perdana Menteri bimbang jika sesuatu berlaku kepada Arafat, pemimpin Palestin itu akan menjadi syahid dan ini akan menimbulkan kemarahan kepada umat Islam di seluruh dunia serta boleh menyemarakkan lagi keganasan.

Kerana itulah, kata beliau, amat penting memastikan tidak berlaku kecederaan atau kematian kepada Arafat.

“Jika pun Arafat disingkirkan, siapa yang akan menggantikan beliau? Jika beliau diganti oleh seseorang yang menurut kehendak Sharon dia akan ditolak atau dibunuh,” kata Perdana Menteri.

Katanya, bukan langkah yang bijak untuk menggantikan Arafat kerana Arafat masih merupakan pemimpin terbaik bagi rakyat Palestin.

Beliau berkata, Arafat mungkin tidak mampu mengawal tindakan ganas kumpulan tertentu Palestin tetapi pemimpin lain juga tidak mungkin mampu berbuat demikian.

Dr. Mahathir juga sekali lagi menegaskan usaha menghapuskan keganasan mestilah dengan mencari punca keganasan itu.

Katanya, ini kerana selagi wujud sebab atau yang dianggap sebab untuk melakukan keganasan, ia tetap dilakukan sekalipun dalam berbuat demikian penganas ini membunuh atau terbunuh. — *Utusan*